



## Kesedaran dan Manfaat Kolektif Ekonomi

Oleh: Khairul Nizam Zainal Badri

Penggunaan wang bermula apabila manusia mengalami kerumitan dalam sistem barter. Masalah muncul dalam sistem barter apabila manusia sukar menentukan nilai tukaran. Misalnya, dari sudut kuantiti, saiz, keperluan dan kegunaan. Wang menyelesaikan masalah tersebut apabila menjadi perantara kepada nilai sesuatu barang. Oleh itu, sifat asal wang adalah sebagai perantaraan dalam proses pertukaran barang.

Kini, fungsi wang berubah kerana konsep kepemilikan juga berubah. Wang tidak dilihat sebagai perantaraan, sebaliknya satu kuasa baharu. Kuasa tersebut boleh jadi positif atau negatif bergantung pada cara mengendalikannya. Kuasa yang berasaskan wang menjadi positif apabila kekayaan diagihkan, sebaliknya menjadi negatif apabila sesuatu kekayaan dikumpulkan tanpa agihan yang saksama.

Konsep kepemilikan yang salah menjadikan manusia tamak. Manusia menggunakan wang bukan lagi untuk menjadi perantara kepada sesuatu pertukaran, sebaliknya memanipulasikannya dengan cara mengawal pasaran hingga menekan dan menindas kuasa beli manusia lain.

Sifat tamak menjadikan manusia berusaha membolot kekayaan. Dengan kata lain, yang hendak dikumpulkan oleh manusia ialah wang yang sepatutnya hanya perlu berfungsi sebagai perantara. Namun begitu, disebabkan sifat tamak manusia terhadap kepemilikan, maka kuasa beli yang relatif akan menjadi tidak stabil dan kesannya ialah kemusnahan keseluruhan sistem ekonomi.

Sebagai contohnya, nasi lemak yang berharga 30 sen pada tahun 1980-an tidak lagi boleh dibeli dengan harga tersebut pada tahun 1990-an kerana mata wang mengalami susut nilai. Harga itu akan terus meningkat pada dekad berikutnya kerana nilai mata wang yang tidak stabil. Apabila mata wang mengalami susut nilai dan tidak stabil, maka harga mudah melambung naik.

Keadaan ini berlaku kesan lambakan mata wang negara lain dalam pasaran tempatan. Misalnya, lambakan dolar Amerika Syarikat pada tahun 1997 ke atas mata wang negara-negara Asia menyebabkan berlakunya krisis mata wang yang teruk di rantau Asia, termasuklah Malaysia.

Ekonomi sesebuah negara boleh musnah kerana berlakunya ketidakseimbangan antara pergerakan barang dengan pergerakan wang. Hal ini demikian kerana sesebuah negara berdepan dengan risiko inflasi. Apabila tingkat umum harga meningkat, maka setiap unit wang untuk membeli barangan dan perkhidmatan akan menurun. Gaji pekerja perlu dinaikkan. Hal ini demikian kerana

kuasa membeli akan terus menurun jika gaji pekerja tidak dinaikkan.

Dalam situasi begini, organisasi atau syarikat akan berasa tertekan kerana selain perlu menaikkan gaji pekerja, mereka juga berdepan dengan peningkatan kos operasi dan modal pusingan. Mana-mana organisasi atau syarikat yang gagal bertahan sudah tentu akan menamatkan operasi.

Kembali kepada konsep kepemilikan, ketamakan tercetus dalam diri kerana kehidupan manusia terhimpit dengan nilai sekularisme dan kapitalisme yang melenyapkan atau boleh dikatakan menutup hati manusia daripada dapat melihat matlamat atau tujuan sebenar kehidupan yang sepatutnya dijadikan bekalan kepada kehidupan yang abadi, bukannya bersifat sementara.

### *Ekonomi sesebuah negara boleh musnah kerana berlakunya ketidakseimbangan antara pergerakan barang dengan pergerakan wang.*

Descartes (1596–1650), ahli falsafah yang merintis kepada idea mengartikulasikan pemikiran moden tentang diri melalui kata-kata keramat beliau, *Cogito, ergo sum* (*I think, therefore I am*) yang terjemahannya ialah “Saya berfikir, maka saya ada” sebagaimana yang dinukilkan oleh Guy Durandin dalam karya beliau yang berjudul *Les Principes de la Philosophie Introduction et notes* yang diterbitkan pada tahun 1970 di Paris telah membuka jalan kepada idea ketuanan dan kepemilikan.

Idea Descartes tidak mati begitu sahaja, sebaliknya dikembangkan pula oleh Spinoza (1632–1677) dan Leibniz (1646–1716) yang melihat rasional atau logik sebagai asas pengetahuan. Idea-idea Descartes turut dijadikan asas kajian para pemuka aliran empirik seperti Hobbes (1588–1679), Locke (1632–1704), Berkeley (1685 – 1753), dan Hume (1711–1776). Walaupun mereka tidak sealiran dengan Descartes apabila menyatakan bahawa pengetahuan tercapai melalui pengalaman, tetapi hakikatnya kesemua aliran atau fahaman yang dinyatakan, berakar pada tapak yang sama, iaitu manusia dianggap tuan kepada dirinya, bukannya Tuhan.

Idea sebegini berbahaya kepada pemikiran manusia kerana manusia akan keliru dan mula menganggap bahawa kehidupan di dunia inilah yang sebenarnya kehidupan yang hakiki. Natijahnya, manusia mula mengumpulkan kekayaan kerana beranggapan bahawa setiap kekayaan itu balasan bagi setiap titik peluh yang dikeluarkan.

Perkiraan logiknya adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Charles Avila dalam karya beliau, *Ownership: Early Christian Teaching* yang diterbitkan oleh Orbis Books di New York (1983) seperti yang berikut:

*If I am my own, and my labor power belongs to me, then what I make is mine.*  
 (“Jika saya ini milik saya dan tenaga kerja saya milik saya, maka apa-apa yang saya lakukan, milik saya.”).

Menurut Charles Eisenstein dalam tulisan beliau, *Sacred Economics: Money, Gift and Society in the Age of Transition* terbitan North Atlantic Books (2021), konsep ini menghakis nilai kemanusiaan yang wujud dalam diri manusia seperti perasaan keterhubungan dan syukur akan kemajuan yang dicapai.

Manusia tidak sepatutnya mementingkan diri dan memencilkan diri. Sebaliknya, manusia perlu mempunyai kesedaran untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada komuniti kerana dengan cara itu barulah ekonomi dapat berkembang secara mampan dan harmoni.

Menurut Eisenstein, tidak ada istilah ketuanan atau kepemilikan dalam diri manusia kerana manusia seharusnya sedar bahawa setiap kejayaan yang diperoleh pada hakikatnya ialah keberhutangan kepada masyarakat. Tanpa sokongan masyarakat, seseorang itu tidak akan berjaya. Oleh itu, konsep kepemilikan seharusnya difahami dalam konteks kebersamaan, iaitu manfaat dalam bentuk kolektif bukannya individu.

Rasa keberhutangan menjadikan manusia menginsafi diri dan sedar akan usaha dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Manusia harus menganggap sesuatu yang bersifat kepunyaan atau kepemilikan pada hakikatnya ialah hadiah atau penghargaan yang diberikan oleh masyarakat kepada dirinya.

Hadiah atau penghargaan itu hendaklah dikembalikan kepada masyarakat dalam bentuk yang boleh dilihat seperti perusahaan atau organisasi atau yang tidak boleh dilihat seperti kemahiran dan pengetahuan agar terus berkembang dan dapat melestarikan rantaian kehidupan. Oleh itu, Eisenstein mengatakan bahawa sistem ekonomi yang baik mestilah sistem yang bersifat mengalir, bukannya terkumpul. Menjanakan bukannya menyimpan, dan memberi bukannya memiliki.

Kebersamaan menurut Eisenstein tidak harus difahami mengikut pandangan sosialis seperti Karl Marx yang menganggap bahawa kepemilikan ialah satu rompakan.



Marx berpandangan bahawa kunci penderitaan manusia dan masyarakat adalah terletak pada kepemilikan perusahaan.

Pandangan tersebut tidak betul kerana apa-apa yang sepatutnya perlu difikirkan dan dilakukan sebagaimana yang dikatakan oleh Eisenstein adalah dengan memastikan setiap kekayaan yang dimiliki itu dapat dimanfaatkan dalam konteks yang lebih luas sebagaimana semua orang dapat melihat pemandangan bintang dan bulan atau menikmati desiran angin laut. Dengan kata lain, kepemilikan tidak salah selagi mana kepemilikan itu dilihat dalam bentuk yang boleh memberikan kebaikan kepada orang lain.

Dalam hal ini, contoh terbaik ialah Internet. Pada peringkat awal, penggunaan Internet berasaskan penggunaan Internet berasaskan matlamat untuk berkongsi ilmu pengetahuan. Menurut Barry M Leiner *et al.* dalam buku yang bertajuk *Brief History of the Internet: Introduction* yang diterbitkan oleh InternetSociety.org, Internet diperkenalkan kepada orang awam pada 1 Januari 1983. Sebelum itu, Internet digunakan untuk penyelidikan, khususnya dalam bidang ketenteraan.

Idea tentang pembangunan teknologi tersebut dirintis oleh J.C.R Licklider, saintis yang berkhidmat di MIT (Massachusetts Institute of Technology) sekitar bulan Ogos 1962. Ketika menjadi Ketua Penyelidik Defense Advanced Research Projects Agency (DARPA) pada bulan Oktober 1962, beliau menekankan kepentingan teknologi tersebut kepada para penyelidik, antaranya termasuklah Ivan Sutherland, Bob Talyor dan Lawrence G Roberts. Seorang lagi penyelidik MIT, Leonard Kleinrock memberikan perhatian kepada teori tentang pengangkutan dalam sistem rangkaian.

Teori yang berasaskan paket rangkaian dibukukan pada tahun 1964. Pada tahun 1965, Roberts merealisasikan idea Licklider dan Kleinrock apabila berjaya menghubungkan komputer di MIT kepada komputer yang berada di California atas bantuan Thomas Merrill menerusi sistem rangkaian telefon.

Kejayaan tersebut adalah sebagai pemangkin kepada siri percubaan yang lebih besar yang melibatkan penambahbaikan protokol rangkaian, kawasan liputan yang lebih luas dan capaian rangkaian



yang lebih pantas hinggalah berjaya diperkenalkan kepada orang awam pada tahun 1983.

Pada tahun 1985, mel elektronik diperkenalkan dan digunakan secara meluas merentasi beberapa komuniti. Sepuluh tahun berikutnya, Federal Networking Council (FNC) mengeluarkan resolusi tentang istilah Internet yang mula digunakan secara rasmi di seluruh dunia yang mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

1. Dipaut secara logik bersama-sama ruang alamat unik pada peringkat global berdasarkan protokol Internet atau sambungan atau susulan berikutnya;
2. Mampu menyokong komunikasi menggunakan suite protokol kawalan transmisi/protokol Internet atau *transmission control protocol Internet protocol (TCP/IP)* atau sambungan atau susulan seterusnya, dan/atau protokol lain yang serasi dengan protokol Internet.
3. Menyediakan, menggunakan atau menjadikannya boleh diakses, sama ada secara

awam ataupun persendirian, perkhidmatan peringkat tinggi berlapis pada komunikasi dan infrastruktur berkaitan.

Pada tahun 1999, Shawn Fanning seorang pelajar kolej mengejutkan dunia apabila memperkenalkan rangkaian perkongsian muzik atau lagu yang dinamakannya sebagai Napster. Konsepnya berasaskan P2P (*Peer to Peer*) atau rangkaian rakan ke rakan. Melalui rangkaian ini seseorang pengguna boleh memuat turun lagu daripada cakera keras komputer pengguna lain. Pada masa yang sama, pengguna lain boleh memuat turun lagu yang terdapat dalam cakera kerasnya. Idea Fanning mencetuskan revolusi dalam dunia rangkaian hingga muncul aplikasi, teknologi dan rangkaian yang terbina atas dasar perkongsian seperti protokol Gnutella.

Gnutella membenarkan pelbagai jenis perisian yang terdapat dalam komputer pelanggan diakses oleh pengguna lain. BitTorrent pula membenarkan perkongsian fail yang besar seperti fail video yang boleh dimuat turun secara terpisah daripada komputer hos yang berbeza agar kelajuan capaian dapat ditingkatkan.

Falsafah asal Internet yang berasaskan semangat perkongsian atau manfaat secara kolektif terhakis sedikit demi sedikit apabila konsep kapitalis mula menerjah laman web. Pengalihan tumpuan trafik ke sesebuah laman web dilihat mampu menjanakan keuntungan dua hala, iaitu kepada pemilik laman web dan pengiklan.

Pengiklan akan membayar pemilik laman web berdasarkan PPC (*Pay per Click*) atau CPI (*Cost per Impression*). Pengiklan pula mendapat habuan dari sudut strategi pemasaran hingga mampu menambahkan peratusan pengguna baharu. Kesannya, masyarakat tidak lagi melihat

Internet sebagai wadah perkongsian ilmu pengetahuan yang mampu memberikan manfaat secara kolektif sebaliknya lebih berminat menjadikan Internet sebagai lubang untuk mengaut kekayaan atau dengan kata lain, pastinya Internet akan mendatangkan kesan yang memudaratkan sama ada dari sudut kesihatan ataupun kekurangan tenaga kerja dalam industri. Hal ini demikian kerana masing-masing sibuk duduk menggunakan komputer atau telefon mudah alih.

Generasi mutakhir tidak mungkin lagi berminat untuk bekerja dalam industri kerana menjadi pempengaruh (*influencer*) atau penstriman (*streamer*) adalah lebih menguntungkan. Menurut Eisenstein, perkara inilah yang dibimbangkan kerana boleh meruntuhkan nilai kemanusiaan jika dilihat dari aspek sosiologi dan melenyapkan kemurnian pasaran jika dilihat dari sudut ekonomi. Ekonomi tidak sepatutnya dinilai dari aspek keuntungan semata-mata kerana perkara yang lebih penting ialah faedah yang boleh dinikmati secara sejagat dan berpanjangan.

Kesedaran terhadap kebersamaan dan manfaat secara kolektif seharusnya menjadi tunjang pemikiran dan tonggak dalam pelaksanaan. Hal ini demikian kerana dengan adanya kesedaran tersebut dalam diri manusia, maka manusia akan mula memikirkan bentuk sumbangan yang dapat diberi kepada orang lain. Sumbangan tersebut bukan sahaja memberikan manfaat kepada dirinya, tetapi juga kepada seluruh pengguna dalam sesebuah komuniti. Hal ini secara tidak langsung akan meningkatkan nilai ekonomi dan mengembangkan industri atau teknologi. <sup>100</sup>

---

**Dr. Khairul Nizam Zainal Badri**  
memperoleh ijazah kedoktoran  
dalam bidang falsafah psikologi.